



JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (2) November 2022 (010-025)

Penentuan Kognat Kata antara Bahasa: Penilaian Semula dari Sudut Etimologi

¹Mohamad NorTaufiq NorHashim, ²Aniswal Abd Ghani

¹nortaufiqhashim@gmail.com, ²alniseghl@gmail.com

¹School of Oriental Studies,
Xi'an International Studies University

Tarikh terima : 05 September 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 15 September 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2022
Published online

Abstrak

Bahasa Melayu banyak meminjam perkataan daripada bahasa asing. Persamaan atau kemiripan antara kata dalam rumpun Austronesia dengan bahasa Indo-Eropah, Semitik, atau Dravidian adalah menerusi peminjaman dan tidak tepat jika dikatakan sebagai kognat. Terdapat dua kemungkinan yang menyebabkan persamaan kosa kata antara bahasa Melayu dengan bahasa dalam rumpun yang sama, iaitu bahasa-bahasa yang disebutkan itu mengalami pertembungan bahasa, atau dipinjam menerusi bahasa Melayu. Jadi, objektif kajian ini adalah untuk membuktikan beberapa perkataan yang dikatakan berkognat sebenarnya merupakan kata pinjaman. Pembuktian ini dibuat berdasarkan kerangka pedoman etimologi Collins (2003). Data kajian ini diambil daripada senarai perkataan pengkaji lepas yang bertandakan 'kognat' dalam kaedah leksikostatistik. Sebanyak lima data kata terpilih diambil untuk dianalisis. Analisis kajian menunjukkan bahawa kesemua perkataan terpilih merupakan kata pinjaman. Hal ini dapat dibuktikan menerusi perbandingan bentuk dan makna antara bahasa. Penelitian kepada sejarah yang merangkumi aspek pertembungan bahasa juga perlu ditelusuri dan difahami dalam menentukan hubungan antara kata. Pengkajian dari sudut etimologi amat penting kerana menyumbang kepada ketepatan dapatan dalam kajian leksikostatistik dan glotokronologi.

Kata kunci: kata pinjaman; kognat; etimologi; leksikostatistik; glotokronologi

Determines of Word Cognates between Languages: A Reevaluation from an Etymological Perspective

Abstract

Malay borrows a lot of words from foreign languages. The similarities between words in Austronesian clusters with Indo-European, Semitic, or Dravidian languages are through borrowing and are not accurate if said to be cognates. There are two possibilities that cause vocabulary similarities between Malay and languages in the same cluster, namely the languages mentioned have clashed languages, or were borrowed through Malay. So, the objective of this study is to prove that some words that are said to be cognates are actually loanwords. This proof is based on the etymological guidelines of Collins (2003). The data of this study is taken from the list of words marked 'cognates' by past researchers in lexicostatistics method. A total of five selected word data were taken for analysis. The results of the study show that all the selected words are loanwords. This can be proven through a comparison of form and meaning between languages. Research into history that includes aspects of language clash also needs to be explored and understood in determining the relationship between words. This study from etymology perspective is very important because it contributes to the accuracy of findings in the study of lexicostatistics and glottochronology.

Keywords: loanwords; cognate; etymology; lexicostatistics; glottochronology

1. Pengenalan

Penelitian kepada asal usul perkataan dalam bahasa Melayu merupakan teras penting sebelum membicarakan perihai kognat atau kekerabatan antara bahasa. Menurut Harimurti (1988), penentuan jauh dan dekatnya kekerabatan bahasa-bahasa itu dilakukan dengan membandingkan beberapa sektor bahasa tertentu seperti fonologi atau morfologi. Walau bagaimanapun, kekerabatan yang diukur menerusi bentuk dan makna perlu berlandaskan dengan usaha etimologi. Pengkajian berkaitan asal usul kata ini berkait rapat dengan bidang etimologi. Etimologi merupakan salah satu bidang yang mengkaji perihai asal usul perkataan yang mencakupi penelitian ke atas bentuk, makna, sejarah dan geografi, dan aspek kewujudan dan penggunaan sesebuah kata dalam bahasa Melayu (Bynon, 1977; Collins, 2003; Taufiq & Aniswal, 2022a).

Kajian kepada asal usul perkataan boleh dibahagikan kepada dua cabang kajian, iaitu kata pinjaman dan bukan kata pinjaman. Bukan kata pinjaman merujuk kepada pengkajian etimologi perkataan dalam rumpun bahasa yang sama. Peminjaman kata ini merujuk kepada kemasukan atau penyerapan kosa kata asing ke dalam bahasa Melayu. Proses ini terhasil daripada pertembungan bahasa antara dua masyarakat yang menuturkan bahasa yang berbeza. Menurut Heah (1989), peminjaman kata merupakan proses pengambilan dan penggunaan unsur-unsur daripada satu bahasa yang lain ke dalam konteks yang lain. Fromkin *et al.* (2003) pula menyatakan peminjaman berlaku apabila sesebuah bahasa ingin menambah perkataan baharu dari bahasa lain ke dalam leksikonnya.

Pada pandangan pengkaji, pengkajian linguistik sejarah dan perbandingan khususnya berkaitan leksikostatistik dan glotokronologi seharusnya berhubungan dengan bidang etimologi. Hal ini demikian kerana kedua-duanya saling memerlukan kerana penjejakan kognat perkataan bukan sahaja dilihat dari sudut persamaan atau kemiripan makna dan bentuk antara kata sahaja, malah perlu ditelusuri dari sudut asal usul sesebuah kata. Oleh sebab itu, dapat dikatakan bahawa kedua-dua bidang ini memiliki hubungan. Menurut Keraf (1984), linguistik sejarah dan perbandingan merupakan suatu cabang ilmu bahasa yang mempersoalkan bahasa dalam bidang waktu serta perubahan unsur bahasa yang terjadi dalam bidang waktu tersebut. Aniswal & Noriah (2021) menyatakan bahawa linguistik perbandingan ialah cabang ilmu yang berfokus kepada perbandingan antara bahasa atau dialek untuk menentukan hubungan sejarah antara bahasa dengan bahasa atau dialek dengan dialek. Begitu juga dengan kajian etimologi, penelitian dan perbandingan antara perkataan dengan perkataan dilakukan dari sudut bentuk dan makna.

Penentuan kepada sesebuah kata yang dikatakan sebagai bentuk pinjaman adalah menerusi kemiripan bentuk dan pertalian makna yang berlaku disebabkan oleh pertembungan bahasa. Kemiripan perkataan antara dua bahasa daripada rumpun yang berbeza boleh dikatakan sebagai bentuk peminjaman, misalnya bahasa B meminjam daripada bahasa A, atau bahasa A meminjam daripada bahasa B. Walau bagaimanapun, persamaan bentuk dan makna dalam rumpun yang sama dikenali sebagai kognat. Menurut Gudschinsky (1956), hubungan kognat yang betul adalah perkataan yang berkongsi atau lahir daripada keluarga bahasa yang sama dan hanya melalui hubungan kognat yang sebenar dapat dijadikan bukti konkrit hubungan genetik sesuatu bahasa. Oleh itu, jika kemiripan atau persamaan yang berlaku antara bahasa dalam rumpun Austronesia dengan rumpun bahasa lain seperti Indo-Eropah atau Semitik, maka dapat dikatakan sebagai bukan kognat dan ia berkemungkinan menerusi peminjaman.

Terdapat juga perkataan antara bahasa daripada rumpun yang berbeza memiliki kemiripan atau persamaan dari sudut bentuk. Kemiripan atau persamaan yang berlaku ini dikenali sebagai kognat palsu (*false cognate*). Kognat palsu umumnya ditakrifkan sebagai pasangan kata yang memiliki bentuk yang sama, namun berbeza dari segi etimologi dan makna dalam bahasa yang berbeza (Nida, 2000; Domínguez & Nerlich, 2002). Istilah ‘kawan kacek’ digunakan dalam bahasa Melayu digunakan oleh Sepora & Aniswal (2001) bagi menjelaskan *false cognate* atau *false friends*. Kata *kacek* merupakan perkataan Jawa Kuno yang bermaksud ‘selisih, beza, kelainan’. Misalnya dalam bahasa Melayu, kata *lap* ‘membersihkan sesuatu’ memiliki persamaan bentuk dengan kata *lap* (bahasa Inggeris) yang bermaksud ‘pusingan’, tetapi berbeza dari segi makna dan keluarga bahasa. Kognat palsu ini dapat dilihat menerusi contoh lain seperti kata *embarrassed* (bahasa Inggeris) yang bermaksud ‘malu’

memiliki kemiripan bentuk dengan kata *embarazada* (bahasa Sepanyol) yang bermaksud ‘mengandung’.

1.1 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian ini dapat difokuskan kepada perkataan yang dikatakan berkognat, walhal ia merupakan kata pinjaman. Penentuan tingkat kekerabatan antara bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa Austronesia telah dikaji oleh pengkaji Malaysia mahupun Indonesia. Bersandarkan kepada langkah perbandingan dalam leksikostatistik, kosa kata yang harus ditolak merupakan kata pinjaman, contohnya kata *cuti* (bahasa Hindi), *almari* (bahasa Portugis), *isteri* (bahasa Sanskrit), *dunia* (bahasa Arab), *bazar* (bahasa Parsi), *senapang* (bahasa Belanda), dan lain-lain. Walau bagaimanapun, ada kajian yang dilakukan oleh pengkaji bahasa yang tidak menolak perkataan yang sebenarnya ialah kata pinjaman. Pembuktian dan penelitian lanjut ke atas beberapa perkataan terpilih akan dibincangkan dalam kajian ini. Oleh itu, masih ada ruang yang perlu dinilai semula hasil daripada penentuan kognat kata yang dibuat oleh pengkaji lepas perihal kajian leksikostatistik dan glotokronologi.

Memang tidak dinafikan bahawa berkemungkinan masih terdapat kekeliruan dalam menentukan asal usul sesebuah kata. Hal ini demikian kerana, catatan berkaitan asal usul tentang sesebuah perkataan masih lagi belum sepenuhnya lengkap, dan hal ini sekali gus memberi kesan kepada pengkaji bidang bahasa Melayu dalam menjejaki asal usul kata khususnya dalam kajian linguistik perbandingan. Contohnya, terdapat beberapa perkataan pinjaman daripada bahasa lain yang dimasukkan dalam *Kamus Dewan Perdana* (2020) tidak dinyatakan maklumat asal usul seperti kata *setanggi*, *sasa* dan *labu*, (bahasa Sanskrit), *kabuli* (bahasa Parsi) (Taufiq & Aniswal, 2022), *dunia* (bahasa Arab) (*Kamus Dewan Perdana*, 2020).

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) menyatakan bahawa ada perkataan yang dibuang asal usulnya kerana perkataan tersebut seperti kata *dunia* telah tersebati dan dianggap sebahagian daripada bahasa Melayu (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Pada pandangan pengkaji, setiap perkataan yang dipinjam tidak boleh dinafikan hak asal usulnya. Perlu disedari bahawa perkataan yang dipinjam daripada bahasa asing tidak akan menjadi milik bahasa yang meminjam walaupun bahasa itu telah menggunakan perkataan tersebut sejak sekian lama (Nazilah & Karim, 2019; Taufiq, 2022). Oleh hal yang demikian, pengguguran maklumat asal usul berkaitan kata pinjaman ini sudah tentu akan merencatkan pengkajian dalam bidang sejarah perbandingan dan mungkin juga kepada cabang linguistik yang lain. Bagi pengkaji, maklumat asal usul seharusnya dikekalkan agar dapat dilihat perubahan kata dan dibuat perbandingan pada masa hadapan.

Penilaian yang salah tentang asal usul sesebuah kata memberi kesan kepada penentuan tingkat kekerabatan kata. Walaupun kadar peratusannya hanya mengalami perbezaan yang sedikit atau tidak mengubah taraf bahasa, namun penelitian yang dilakukan seharusnya jelas dan tepat. Kajian pengkaji lepas seperti Norajihah & Zaitul (2021), Rozi (2019), Nur Faaizah & Noor Saadah (2021) dan Khaidir & Adi (2021) yang mencatatkan beberapa kata seperti kata *nafas*, *nama*, dan *kerana* merupakan bentuk kata yang berkognat telah menimbulkan kemusykilan dan perlu dinilai semula akan kesahihannya. Oleh itu, kajian ini akan meneliti dan membuktikan beberapa perkataan terpilih yang dikatakan sebuah kata yang berkognat dalam rumpun bahasa Austronesia.

1.2 Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan dalam bahagian permasalahan kajian ini, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membuktikan perkataan yang dikatakan berkognat sebenarnya merupakan kata pinjaman. Pembuktian ini akan dilakukan dari sudut etimologi.

2. Sorotan Literatur

Kajian ini terlebih dahulu akan membincangkan perihal leksikostatistik dan glotokronologi. Gudschinsky (1956) menyatakan bahawa leksikostatistik merupakan kaedah yang digunakan bagi

mengira peratus kata berkerabat dengan cara menghitung jumlah kata yang mempunyai hubungan kognat. Hubungan kognat bermaksud sesebuah perkataan itu berkongsi hubungan bunyi dan makna yang sama (McMahon, 1994) dan fenomena ini juga terjadi lebih daripada dua bahasa. Contohnya, kata *ten* (bahasa Inggeris), *tien* (bahasa Belanda), dan *zehn* (bahasa Jerman) memiliki persamaan dari segi makna kerana kedua-dua perkataan itu merupakan bahasa turunan *Proto-Germanic* dan bahasa *Old English* lebih mirip kepada bahasa Jerman (Thomason, 2001).

Berbalik kepada kaedah leksikostatistik, peratusan kognat yang diperoleh melalui pengiraan akan menentukan hubungan kekerabatan sesuatu bahasa yang dikaji serta menjelaskan taraf antara bahasa. Senarai kosa kata dasar yang dicadangkan oleh Swadesh (1954) paling lazim digunakan dalam melakukan perbandingan antara bahasa. Jumlah yang diperoleh berdasarkan perkiraan melalui rumus leksikostatistik akan ditentukan hubungan kekerabatannya berdasarkan jadual tingkat kekerabatan yang dicadangkan oleh Swadesh (1954) seperti yang berikut:

Jadual 1: Tingkat Kekerabatan Bahasa

Tingkat Kekerabatan Bahasa	Abad pisah	Peratus kata berkognat
Bahasa	0-5 abad	100-81 kata
Keluarga bahasa	5-25 abad	81-36 kata
Rumpun bahasa	25-50 abad	36-12 kata
Mikrofilum	50-75 abad	12-4 kata
Mesofilum	75-100 abad	4-1 kata
Makrofilum	100 abad ke atas	Kurang daripada 1

Pemerolehan maklumat berkaitan tingkat kekerabatan diteruskan pula dengan kaedah glotokronologi yang merupakan sebuah kaedah dalam mengirakan waktu pisah dan lama waktu (usia) bagi kedua-dua bahasa yang dibandingkan (Gudschinsky, 1964; Crowley, 1992). Dalam meneliti kognat kata, menurut Swadesh (1954), sesuatu kosa kata dasar yang jelas merupakan kata pinjaman mestilah ditolak dan tidak dimasukkan dalam pengiraan peratus kosa kata berkognat. Terdapat beberapa ciri perkataan lain yang harus ditolak semasa melakukan proses analisis perbandingan kosa kata dasar dalam leksikostatistik, iaitu:

- i. kata pinjaman asing;
- ii. kata majmuk; dan
- iii. kata kosong (hanya terdapat dalam satu bahasa sahaja)

Bagi kata yang mempunyai imbuhan, imbuhan tersebut akan dibuang dan hanya kata dasar sahaja yang digunakan untuk dibuat perbandingan. Ciri yang menjelaskan penolakan kata pinjaman menunjukkan bahawa kaedah tersebut sememangnya tidak mengambil kira kata pinjaman. Walau bagaimanapun, masih ada beberapa kajian yang dilihat masih melibatkan kata pinjaman dalam menjejaki kognat kata, walhal dalam langkah atau syarat kajian tersebut, kata pinjaman akan ditolak walaupun memiliki kognat. Terdapat dua kriteria dalam menentukan hubungan kognat antara bahasa, iaitu pasangan kata tersebut mempunyai persamaan seratus peratus dan perkataan itu mempunyai bentuk dan makna yang sepadan atau mirip.

Penelitian kepada linguistik perbandingan telah banyak dilakukan oleh pengkaji dunia Melayu seperti kajian terbaharu oleh Norajihah & Zaitul (2021), Nur Faaizah & Noor Saadah (2021), Khaidir & Adi (2021), Khaidir & Adi (2021a), Rozi (2021), Rozi (2019), Zainal (2014), dan Rengki *et al.* (2020). Kajian-kajian yang dilakukan oleh para pengkaji ini merupakan kajian yang memberi sumbangan besar terutama kepada bidang sejarah bahasa Melayu. Kajian yang dilakukan oleh Norajihah & Zaitul (2021) merupakan sebuah kajian yang meneliti kepada kekerabatan kata antara bahasa Melayu dengan bahasa Orang Asli Che Wong. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat beberapa leksikal bahasa Orang Asli Che Wong yang mempunyai pengaruh dan persamaan dengan bahasa Melayu. Menurut Norajihah & Zaitul (2021), bahasa yang dituturkan oleh Orang Asli Che Wong mempunyai kekerabatan pada tingkat keluarga bahasa dengan bahasa Melayu sebanyak 76% dan

terpisah antara 5 hingga 25 abad yang lalu. Dapatan tingkat kekerabatan yang diperoleh tersebut perlu ditelusuri semula tentang kognat kata menerusi pengkajian etimologi. Hal ini demikian kerana, perkataan yang diputuskan sebagai berkognat menimbulkan keraguan kepada pengkaji. Contohnya, kata *kerana* dan *fikir* yang dicatatkan oleh Norajihah & Zaitul (2021:19 & 20) merupakan kata yang memiliki kognat antara bahasa Melayu dengan bahasa Orang Asli Che Wong. Penilaian kedua-dua kata ini akan dibawa ke bahagian analisis kajian.

Kajian yang dilakukan oleh Nur Faaizah & Noor Saadah (2021) berkaitan penentuan tingkat kekerabatan antara bahasa Kensiu dan Kentaq serta mengetahui waktu pisah kedua-dua bahasa tersebut. Dapatan analisis telah menunjukkan bahawa kedua-dua bahasa mempunyai 142 kosa kata yang berkognat merangkumi sebanyak 72.08 %. Peratusan yang diperoleh telah menunjukkan bahawa kedua-dua bahasa ini telah terpisah antara 5 hingga 25 abad yang lalu dan berada dalam kelompok keluarga berdasarkan kekerabatan peratus kognat yang diperolehi. Status kognat kata, iaitu kata *fikir* dan *kerana* yang ditandakan sebagai kata yang berkognat antara kedua-dua bahasa itu perlu diselidiki semula. Memang tidak dinafikan bahawa wujud kemiripan dari sudut bentuk kata antara kata *kerana* dalam bahasa Melayu dengan *kiyanak* (bahasa Kensiu) dan *kianak* (bahasa Kentaq). Berkemungkinan kata *kerana* ini dipinjam ke dalam kedua-dua bahasa tersebut, tetapi telah dipelatkan mengikut sebutan dalam bahasa Kensiu dan Kentaq. Oleh itu, penelitian lanjut berkaitan perkataan ini boleh dikaji lagi. Sebenarnya, kita tidak boleh mengatakan bahawa dalam bahasa Kensiu dan Kentaq tidak memiliki kata pinjaman kerana kajian tersebut juga ada menolak beberapa kata pinjaman yang lain seperti kata *salju* dan *ais* dengan bentuk kata yang berbeza, iaitu *es* (bahasa Kensiu) dan *aih* (bahasa Kentaq). Oleh hal yang demikian, dapat dikatakan bahawa berkemungkinan Nur Faaizah & Noor Saadah (2021) terlepas pandang akan perkataan lain yang menimbulkan keraguan tentang asal usulnya seperti kata *fikir* dan *kerana*.

Penelitian berkaitan kognat kata ini juga dapat dinilai sekali lagi menerusi kajian Rozi (2021) yang membincangkan perihal kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu Purba. Beliau telah mencatatkan kata *alir* dan *dua* merupakan sebuah kata daripada bahasa Melayu Purba. Walau bagaimanapun, pada pandangan pengkaji wujud kemiripan kata *alir* dengan kata *salir*. Dalam Collins Dictionary (n.d.), kata *salir* bermaksud “to go out, to leave, depart”. Di samping itu, wujud kemiripan bentuk kata *salir* dalam bahasa Sepanyol dan *sair* dalam bahasa Portugis (Taufiq & Aniswal, 2022a). Kemiripan bentuk kata antara bahasa Portugis dan bahasa Sepanyol berlaku disebabkan kedua-duanya lahir daripada keluarga bahasa yang sama, iaitu Indo-Eropah. Oleh hal yang demikian, bentuk kata yang dikatakan berkognat seperti yang dicatatkan oleh Rozi (2021) boleh ditelusuri dengan lebih mendalam lagi, sama ada kata *alir* merupakan kata Melayu asli atau kemasukannya menerusi meminjam yang mengalami perubahan.

Begitu juga dengan kata *dua* yang perlu diteliti semula kerana Singam (1957) dan Surada (2007) mencatatkan *dua* dipinjam daripada bentuk *dvi* bahasa Sanskrit. Bukhari (199) pula menjelaskan kemiripan antara kata dalam bahasa Indo-Eropah seperti kata *du* (bahasa Parsi), *dvau* (bahasa Sanskrit), dan *duo* (bahasa Latin). Notosudirjo (1981) pula berpandangan bahawa kata *dua* memiliki kemiripan dengan bahasa Jawa Kuno, iaitu *dwa*. Notosudirjo (1981) juga mengambil contoh lain bagi membuktikan kata *dua* dalam bahasa Indonesia daripada kata *dwa* (bahasa Jawa Kuno), iaitu contoh kata *juta* memiliki kemiripan yang lebih dekat dengan bentuk *sa-yuta* (bahasa Jawa) berbanding *prayuta* (bahasa Sanskrit). Hal ini menimbulkan tanda tanya kepada pengkaji, iaitu adakah kata *sa-yuta* dalam bahasa Jawa mengalami kemiripan secara tidak sengaja dengan kata *prayuta* dalam bahasa Sanskrit? Atau, mungkinkah bahasa Jawa meminjam perkataan kata *prayuta* daripada bahasa Sanskrit dan kata itu mengalami perubahan kepada bentuk *sa-yuta* dalam bahasa Jawa?

Berbalik kepada perbincangan kata *dua*, berkemungkinan kata *dua* merupakan kata yang dipinjam daripada bahasa Jawa dan bahasa Jawa meminjamnya daripada bahasa Sanskrit. Hal ini demikian kerana bahasa Sanskrit telah menapak di Indonesia sejak abad pertama Masihi lagi sehingga abad ke-14 (Notosudirjo, 1981). Menurut Notosudirjo (1980) lagi, pengaruh Sanskrit sangat kuat sehingga nama-nama orang Jawa hampir semuanya daripada bahasa Sanskrit seperti *Dwi Astuti* dan *Sukarno*. Jika kita lihat pada hari ini, juga berlaku perubahan kepada bentuk kata nama *Dwi* kepada *Dewi*. Begitu juga perkataan lain seperti kata Sanskrit lain, iaitu *varna*, *bhāgya* dan *kārya* berubah

membentuk kata *warna*, *bahagia* dan *kerja* (Singam, 1957; Notosudirjo, 1981). Oleh hal yang demikian, tidak mustahil untuk kata *dvi* ini berubah kepada kata *dva* (*dvā* *daca*=12) (Notosudirjo, 1981) dan seterusnya kepada kata *dua*.

Kajian Rozi (2019) berfokus kepada dialek Jakun di negeri Johor mendapati bahawa hubungan dua buah dialek Jakun dengan bahasa Melayu berada pada peringkat keluarga bahasa. Kajian tersebut juga mendapati bahawa bahasa Jakun bukan meminjam perkataan daripada bahasa Melayu, tetapi merupakan salah satu bahasa induk, iaitu bahasa Melayu Purba. Walau bagaimanapun, perlu diteliti juga bahawa berkemungkinan ada perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Jakun menerusi bahasa Melayu seperti kata *kerana*. Sebenarnya, ada beberapa perkataan dalam dialek Jakun 1 yang dikaji Rozi (2019) ditandakan sebagai kata yang berkognat seperti kata *kerana*, *kepala*, *nama*, *suami* dan *bau*. Penelitian yang lebih lanjut perihal catatan yang berkognat perlu dilakukan agar tidak menimbulkan kekeliruan dalam memberi taraf kognat perkataan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Khaidir dan Adi (2021a) adalah berkaitan kekerabatan dan abad pisah antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat sebanyak 158 daripada 195 kosa kata dasar yang dibandingkan berkognat dengan bahasa Melayu. Menurut Khaidir dan Adi (2021a), bahasa Banjar dan bahasa Melayu berada pada tingkat kekerabatan bahasa. Kajian tersebut mendapati bahawa abad pisah kedua-dua bahasa itu diandaikan antara abad ke-15M hingga abad ke-17M atau 1440 hingga 1602 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa catatan kognat kata yang dikemukakan oleh Khaidir dan Adi (2021a) seperti kata *fikir*, *kerana*, *nafas*, *alir*, dan *kepala* tidak selaras dengan catatan asal usul yang terdapat dalam *Kamus Dewan Perdana* (2020) dan beberapa pengkaji lain. Oleh hal yang demikian, penelitian lanjut perlu dibuat bagi menilai tahap kesahihan kata yang dianggap berkognat.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dari Indonesia seperti Zainal (2014), dan Rengki *et al.* (2020). Zainal (2014) telah membuat kajian berkaitan kekerabatan bahasa Akit dan Duanu di Provinsi Riau. Kajian tersebut mendapati bahawa bahasa Akit dan Duanu berada dalam satu keluarga melalui bukti peratusan 36-81% memiliki kedekatan yang sangat tinggi, iaitu 53,5%). Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Rengki *et al.* (2020) yang meneliti kepada empat bahasa, iaitu bahasa Melayu Palembang, Basemah Lahat, Basemah Pagaralam, dan Kayu agung. Kedua-dua kajian yang disorot berdasarkan kajian pengkaji dari Indonesia ini tidak menunjukkan secara rinci berkaitan penentuan kognat kata. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh mereka mendapati bahawa kesemua bahasa yang dikaji itu merupakan satu keluarga. Berdasarkan sorotan ini, dapat disimpulkan bahawa pemahaman terhadap sejarah, bentuk dan makna serta kewujudannya dalam bahasa Melayu amat penting dalam menilai asal usul sesebuah perkataan.

3. Metodologi Kajian


Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif. Bagi membuktikan setiap kata yang dianggap berkognat walhal sebenarnya merupakan sebuah kata pinjaman, maka kajian ini menerapkan pedoman etimologi yang dicadangkan oleh Collins (2003). Berikut merupakan enam pedoman yang digagaskan oleh Collins (2003) dalam mengkaji etimologi perkataan;

- (i) sebelum meneliti sesuatu etimologi, pastikan ketika kata itu muncul untuk pertama kalinya;
- (ii) sejarah dan geografi harus dipertimbangkan: kata-kata hanya dapat dipinjam melalui pertembungan bahasa;
- (iii) kesepadanan bunyi yang telah diketahui harus berlandaskan usaha etimologi;
- (iv) tekanan harus diberi pada kata lisan: sebutan dapat menjelaskan percanggahan teks dan menyoroti etimologi yang betul;
- (v) dialek-dialek daerah merupakan sumber penting dalam etimologi: sering kata-kata purba dikekalkan dalam sesuatu dialek; dan
- (vi) setiap unsur kata harus diterangkan: penjelasan sebahagian kata sahaja tidak meyakinkan.

Dalam kajian ini, aspek sejarah dan geografi, bentuk, makna, serta pembuktian kewujudan sesebuah kata akan diberi tumpuan. Berdasarkan keteraturan yang dicadangkan oleh Collins (2003), dalam pedoman yang pertama, kewujudan dan penggunaan kata pinjaman dalam bahasa Melayu perlu dijejaki menerusi penelitian ke atas teks-teks Melayu lama. Bahan-bahan kajian yang diselidiki oleh ahli filologi perlu dimanfaatkan dalam kajian etimologi, khususnya dalam meneliti kewujudan dan penggunaan sesebuah perkataan dalam bahasa Melayu (Taufiq & Aniswal, 2022a). Menurut Siti Baroroh *et al.* (1985), terdapat beberapa cabang linguistik yang dipandang membantu filologi, iaitu etimologi, sosiolinguistik dan stilistik. Begitu juga dengan Siti Hawa (1999) yang menyatakan bahawa sesuatu hasil kajian teks bukan sahaja dimanfaatkan oleh peminat-peminat kesusasteraan tradisional, malah turut dimanfaatkan oleh ahli-ahli dalam bidang lain seperti sejarah, sosiologi dan ilmu bahasa yang lain.

Aspek sejarah dan geografi perlu ditelusuri kerana dapat memberikan gambaran peristiwa berkaitan pertembungan bahasa yang seterusnya membawa kepada peminjaman perkataan. Pedoman yang ketiga merujuk kepada penelitian kepada bunyi dan bentuk perkataan. Mengenal pasti hubungan kognat dalam setiap bahasa yang dikaji merupakan langkah awal dalam etimologi (Lieberman, 2009). Pedoman ketiga ini menjelaskan kemiripan dan persamaan antara bentuk ejaan dengan bahasa asal perlu diteliti. Perlu difahami bahawa persamaan atau kemiripan juga boleh berlaku secara kebetulan antara dua bahasa. Contohnya, kata *sarang* atau 사랑 dalam bahasa Korea memiliki kemiripan dengan kata *sayang* dalam bahasa Melayu, walhal kedua-dua bahasa ini tidak pernah mengalami pertembungan bahasa pada zaman dahulu.

Memandangkan kajian ini tertumpu kepada pembuktian perkataan pinjaman, maka pedoman yang kelima tidak akan diaplikasikan dalam kajian ini. Dengan mengambil perbincangan Collins (2003) dalam pedoman keenam ini, maka kesimpulan yang difahami dan dapat dibuat ialah penelitian etimologi perlu dikaji secara terperinci dengan melihat kepada makna dan bentuk antara bahasa atau dalam bahasa yang sama. Selain itu, penjelasan ini juga akan dikaitkan dengan catatan pengkaji bahasa yang lain tentang asal usul sesebuah kata. Jika diteliti dengan lebih mendalam, pedoman yang ketiga dan keempat memiliki perkaitan kerana bunyi-bunyi yang dikaji berdasarkan sebutan masyarakat setempat sekali gus menjadikan pedoman tersebut memiliki fokus yang sama (Taufiq & Aniswal, 2022a). Oleh itu, empat pedoman yang difokuskan dalam kajian ini dapat diringkaskan seperti dalam rajah yang berikut:



Rajah 1: Rumusan elemen yang dibincangkan dalam kajian etimologi oleh Taufiq (2022)

Bagi mendapatkan maklumat yang sahih, maka penelitian rumpun bahasa yang sama dan berbeza perlu dibuat (Taufiq & Aniswal, 2022b). Menurut Noriah dan Selvarani (2015), bahasa Tamil dan Sanskrit saling meminjam. Berdasarkan pernyataan Noriah dan Selvarani (2015), dapat disimpulkan bahawa, apabila meneliti bahasa Sanskrit, maka penelitian perlu kepada bahasa Tamil juga perlu dilakukan kerana kedua-dua bahasa ini mempunyai hubungan yang rapat dari sudut geografi. Begitu juga dengan bahasa Parsi yang di dalamnya mempunyai kosa kata Arab, hasil daripada peminjaman (Taufiq *et al.*, 2022). Walaupun kedua-dua bahasa itu berada dalam rumpun bahasa yang berbeza, pertembungan bahasa menyebabkan berlakunya peminjaman perkataan. Dapat disimpulkan bahawa bidang etimologi bukan hanya sekadar menjejaki asal usul perkataan, tetapi turut memberi tumpuan kepada sejarah, bentuk, makna, dan waktu kemunculan sesebuah perkataan.

3.1 Rasional Pemilihan Data Kajian

Kajian ini akan menganalisis lima data terpilih, iaitu kata *kerana*, *kepala*, *nama*, *nafas* dan *fikir*. Pewajaran pemilihan kelima-lima perkataan daripada pengkajian lepas didasarkan kepada ketidakpastian berkaitan kognat kata. Tambahan pula, pengkaji juga mendapati bahawa wujud kemiripan dari sudut bentuk dan makna dengan bahasa-bahasa dunia lain. Kemiripan atau persamaan yang terbentuk adalah menerusi peminjaman dan bukan dari akar bahasa yang sama. Seperti yang telah diterangkan dalam bahagian sorotan literatur, pengkaji lain seperti Rozi (2021), Norajihah & Zaitul (2021), Rozi (2019), Khaidir & Adi (2021), Khaidir & Adi (2021a) dan Nur Faaizah & Noor Saadah (2021) telah menyatakan dalam langkah kajian mereka bahawa kata pinjaman perlu ditolak. Oleh itu, perlu dilakukan pembuktian lanjut berkaitan asal usul perkataan tersebut, sama ada kemiripan dan persamaan yang berlaku terhasil daripada proses peminjaman kata atau sebaliknya.

4. Analisis dan Perbincangan

Dalam bahagian analisis ini, perbincangan tertumpu kepada pembuktian asal usul sesebuah kata dari sudut etimologi. Analisis ini juga secara tidak langsung dapat memberi maklumat berkaitan kata pinjaman sekali gus menyangkal catatan kata yang dianggap berkognat.

4.1 Etimologi Kata *kerana* dalam Bahasa Melayu

Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:494), kata *kerana* membawa pengertian ‘kata hubung yang menerangkan punca atau sebab berlakunya sesuatu keadaan’. Jika diteliti kepada catatan pengkaji lain seperti Wilkinson (1901), Singam (1957), Surada (2007) dan KDP (2020), didapati bahawa kata *karena* (ejaan Wilkinson) atau *karna* (ejaan Singam) merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud ‘sebab’. Namun begitu, perkataan *kerana* dikatakan sebagai kata yang berkognat oleh Norajihah & Zaitul (2021), Rozi (2019) dan Khaidir & Adi (2021a). Hal ini sudah tentu akan menimbulkan kekeliruan sekiranya tidak ditunjukkan pembuktian konkrit. Oleh itu, kata *kerana* sekali lagi perlu disahkan bentuk dan makna asalnya menerusi *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit* seperti yang berikut:

Jadual 2: Kata *kāraṇa* dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*

Bentuk kata <i>kāraṇa</i> dalam tulisan Sanskrit	Bentuk transliterasi	Maksud
कारण	kāraṇa	sebab, aktiviti, berlaku

Berdasarkan maklumat dalam Jadual 2, kata *kāraṇa* dalam bahasa Sanskrit mengalami perubahan bentuk kata, iaitu berlaku perubahan vokal /a/ kepada /e/ membentuk ejaan *kerana*. Selain itu, makna kata *kerana* juga lebih banyak dalam bahasa Sanskrit, namun salah satu maknanya merujuk kepada ‘sebab’. Menurut Noriah & Selvarani (2015), kata *kerana* merupakan sebuah kata pinjaman daripada bahasa Tamil. Penelitian kepada bahasa dalam rumpun yang lain diperlukan untuk dibuat perbandingan. Bagi memperoleh maklumat yang lebih lanjut tentang perkataan ini, perkataan dalam

bahasa Hindi dan Tamil perlu diteliti. Berikut merupakan bentuk kata *kāraṇa* dan *kāraṇam* dalam bahasa *Hindi-English Dictionary* dan *Tamil and English Dictionary*.

Jadual 3: Kata *kāraṇa* dalam *Hindi-English Dictionary*

Bentuk kata <i>kāraṇa</i> dalam tulisan Hindi	Bentuk transliterasi	Maksud
कारण	kāraṇa	1. sebab; bermaksud, instrumen; 2. motif, tujuan

Jadual 4: Kata *kāraṇam* dalam *Tamil and English Dictionary*

Bentuk kata <i>kāraṇam</i> dalam tulisan Tamil	Bentuk transliterasi	Maksud
காரணம்	kāraṇam	sebab

Bentuk kata *kerana* dapat dilihat dalam dua bahasa lain seperti dalam Jadual 3 dan 4. Penelitian terhadap bentuk *kerana* dalam bahasa yang lain telah membuktikan bahawa kata *kerana* ialah kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Hal ini disebabkan wujud kemiripan antara ketiga-tiga bentuk perkataan tersebut dalam bahasa yang berbeza. Namun begitu, sebutan kata *kāraṇa* dalam bahasa Sanskrit lebih mirip dengan bahasa Melayu. Penelitian menerusi kaedah perbandingan ini dapat menjelaskan tentang asal usul sebenar sesebuah kata dalam bahasa Melayu. Memang tidak dinafikan juga bahawa ada kemungkinan kata *kerana* masuk melalui bahasa Tamil kerana kita perlu sedar bahawa di India mempunyai banyak bahasa, misalnya bahasa Sanskrit dituturkan di Utara India, manakala bahasa Tamil pula dituturkan oleh kebanyakan masyarakat di Selatan. Tambahan pula, kedatangan masyarakat India tidak hanya tertumpu kepada satu tempat.

Beralih pula kepada aspek kewujudan dan penggunaan kata, kata *kerana* telah ditemukan penggunaannya dalam penulisan *Surat Sultan Ternate kepada Raja Portugal* yang dianggarkan bertarikh pada 1521 Masihi dalam bentuk ejaan Jawi, iaitu کران (Hashim, 2003). Selain itu, perkataan ini sekali lagi dapat dijejak dalam *Malay Concordance Project* menerusi *Hikayat Bayan Budiman* antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17. Walaupun kata *kerana* tidak dapat ditentukan dengan jelas tentang tarikh kewujudannya dalam *Hikayat Bayan Budiman*, namun telah ada bukti dokumen yang lebih tepat tentang kewujudannya, iaitu menerusi *Surat Sultan Ternate kepada Raja Portugal* bertarikh 1521 Masihi (Hashim, 2003). Bukti kewujudan dan penggunaan serta etimologi awal kata *kerana* dapat diperlihatkan seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 5: Kewujudan dan Penggunaan Kata *kerana* dalam *Hikayat Bayan Budiman* (HBB)

HBB 217:22 ... buah hatiku dan cahaya mataku, apakah bicaramu, <i>karena</i> ada penyuruh anak Perdana Menteri itu namanya Siti Jariah ...
--

Jadual 6: Etimologi Awal Kata *kerana* dalam Bahasa Melayu

<i>kerana</i> bermaksud 'kata hubung yang menerangkan punca atau sebab berlakunya sesuatu keadaan'. Penggunaannya dalam <i>Surat Sultan Ternate kepada Raja Portugal</i> (sekitar 1521 M) dan HBB (antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) [bahasa Melayu] ← <i>karena</i> (1901) ← <i>kāraṇa</i> bermaksud 'sebab, aktiviti, berlaku, bijak' (makna yang luas) [Jadual 2]
--

Kesimpulannya, analisis ini mendapati bahawa kata *kerana* merupakan sebuah kata pinjaman. Hal ini dapat dibuktikan menerusi keselarasan para pengkaji bahasa seperti Wilkinson (1901), Singam (1957), dan Surada (2007) yang mencatatkan kata *kerana* dipinjam daripada bahasa Sanskrit. Berbalik kepada kaedah leksikostatistik, kata *kerana* sepatutnya ditandakan 'tolak' pada bahagian ruang taraf kerana kaedah tersebut telah menyatakan bahawa kata pinjaman seharusnya ditolak.

4.2 Etimologi Kata *kepala* dalam Bahasa Melayu

Khaidir & Adi (2021a:293) dan Rozi (2019) mencatatkan kata *kepala* sebagai kata yang memiliki kognat antara bahasa yang dikaji dengan bahasa Melayu. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), kata *kepala* merujuk kepada ‘bahagian tubuh (manusia atau binatang) daripada leher ke atas atau ke hadapan; ketua, pemimpin, penghulu; otak, akal, fikiran; orang’. Jika diteliti kepada catatan pengkaji lain seperti Surada (2007), Wilkinson (1902), Singam (1957) dan Winstedt (1959), kesemuanya mencatatkan kata *kepala* atau *kapala* dipinjam daripada bentuk bahasa Sanskrit. Maklumat asal usul kata *kepala* sekali lagi perlu diteliti dalam bahasa Sanskrit, iaitu menerusi *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit* seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 7: Kata *kapāla* dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*

Bentuk kata <i>kapāla</i> dalam tulisan Sanskrit	Bentuk transliterasi	Maksud
कपाल	kapāla	kepala

Walau bagaimanapun, berbeza pula dengan Noriah & Selvarani (2015) yang mencatatkan kata *kepala* sebagai kata pinjaman daripada bahasa Tamil, iaitu *kapaalam* yang bermaksud ‘dengan kepala (bersama kepala)’. Walaupun berbeza dari sudut asal usul, namun catatan daripada Noriah & Selvarani (2015) jelas menunjukkan bahawa kata *kepala* ialah kata yang dipinjam daripada bahasa asing lain. Berikut merupakan bentuk dan makna kata *kepala* yang tercatat dalam *Tamil and English Dictionary*.

Jadual 8: Kata *kapālam* dalam *Tamil and English Dictionary*

Bentuk kata <i>kapālam</i> dalam tulisan Tamil	Bentuk transliterasi	Maksud
கபாலம்	kapālam	tengkorak

Berdasarkan Jadual 8, didapati bahawa makna utama yang terkandung dalam *Tamil and English Dictionary* agak sedikit berbeza seperti yang dicatatkan oleh Noriah & Selvarani (2015). Walau bagaimanapun, makna kata *tengkorak* masih lagi memiliki perkaitan dengan kata *kepala*. Jika dirujuk kepada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), kata *tengkorak* bermaksud ‘tulang kepala (yang mengandungi otak), batok kepala, tempurung kepala’. Maksud yang tercatat ini sudah jelas menunjukkan bahawa catatan makna dalam *Tamil and English Dictionary* masih memiliki perkaitan dengan makna yang dicatatkan oleh *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015). Walaupun kata *kapālam* memiliki maksud yang sama dengan kata *kepala* (bahasa Melayu), namun bentuk kata *kepala* lebih mirip dengan kata *kapala* dalam bahasa Sanskrit. Kata *kepala* dapat dijejak dalam *Hikayat Bayan Budiman* (HBB). Berdasarkan maklumat ini, dapat dikatakan bahawa kata *kepala* telah digunakan secara meluas antara abad ke-14 hingga abad ke-16 atau mungkin lebih awal daripada tarikh yang tercatat kerana penggunaannya sudah begitu meluas. Hal ini bermaksud, penggunaannya tidak hanya ditemukan dalam *Hikayat Bayan Budiman*, malah dalam manuskrip Melayu lain juga seperti *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Pandawa Lima* dan lain-lain. Berdasarkan perbincangan ini, contoh penggunaan dan etimologi awal kata *kepala* dalam bahasa Melayu dapat diperlihatkan seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 9: Kewujudan dan Penggunaan Kata *kepala* dalam *Hikayat Bayan Budiman* (HBB)

HBB 291:26 ... diberinya emas. Maka dipenggal oléh Habsyi itu <i>kepala</i> Perdana Menteri. Telah sudah Perdana Menteri itu mati, maka
--

Jadual 10: Etimologi Awal Kata *kepala* dalam Bahasa Melayu

<i>kepala</i> bermaksud ‘bahagian tubuh (manusia atau binatang) daripada leher ke atas atau ke hadapan; ketua, pemimpin, penghulu; otak, akal, fikiran; orang’. Penggunaannya dalam HBB (antara abad ke-14 hingga awal
--

abad ke-17) [bahasa Melayu] ← *kapala* (Wilkinson, 1901) ← *kapāla* juga merujuk kepada ‘kepala’ (bahasa Sanskrit) [Jadual 7]

4.3 Etimologi Kata *nama* dalam Bahasa Melayu

Kata *nama* yang digunakan dalam bahasa Melayu dikatakan memiliki kognat dengan kata *nama* dalam bahasa Jakun (Rozi, 2019) dan Banjar (Khaidir & Adi, 2021). Sebenarnya, kata *nama* telah dibincangkan oleh sarjana sebelum ini seperti Asmah (1991) dan Nathesan (2015). Berdasarkan Winstedt (1959), Wilkinson (1901), Singam (1957) dan *Kamus Dewan Perdana* (2020), kata *nama* yang digunakan dalam bahasa Melayu merupakan kata yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit. *Kamus Dewan Edisi Keempat* atau KDIV (2015:1067) mencatatkan kata *nama* bermaksud ‘panggilan atau sebutan bagi orang (barang, tempat, pertubuhan dan lain-lain); 2. ark gelaran, sebutan; 3. kehormatan, kebaikan, kemasyhuran, maruah, pujian’. Kata *nama* sekali lagi perlu dijejak melalui *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*. Terdapat dua bentuk atau variasi kata *nama* yang tercatat dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*, iaitu *nāman* dan *nāma*. Maklumat bagi kata *nāman* dan *nāma* dapat diperlihatkan seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 11: Perkataan *nāman* dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*

Bentuk kata <i>nāman</i> dalam tulisan Sanskrit	Bentuk transliterasi	Maksud
नामन्	nāman	nama

Jadual 12: Perkataan *nāma* dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*

Bentuk kata <i>nāma</i> dalam tulisan Sanskrit	Bentuk transliterasi	Maksud
नाम	nāma	by name

Maklumat dalam Jadual 11 dan 12 menunjukkan bahawa terdapat kemiripan dari segi bentuk ejaan *nāman*, *nāma* dengan *nama* (bahasa Melayu). Sekiranya bentuk *nāman* yang dipinjam dalam bahasa Melayu, maka perkataan itu telah mengalami perubahan bentuk, iaitu pengguguran konsonan /n/ di akhir kata dan membentuk *nama*. Bentuk kata *nama* sekali lagi dapat dijejak menerusi bahasa Hindi dan Tamil. Berikut merupakan bentuk dan makna kata *nama* dalam *Hindi-English Dictionary* dan *Tamil and English Dictionary*.

Jadual 13: Perkataan *nāma* dalam *Hindi-English Dictionary*

Bentuk kata <i>nāma</i> dalam tulisan Hindi	Bentuk transliterasi	Maksud
नाम	nāma [<i>nāman</i>]	1. m. nama; tajuk; istilah; 2. nama baik, reputasi. 3. nama ketuhanan. nama Rām.

Jadual 14: Perkataan *nāmam* dalam *Tamil and English Dictionary*

Bentuk kata <i>nāmam</i> dalam tulisan Tamil	Bentuk transliterasi	Maksud
நாமம்	Nāmam	Nama; sebutan

Namun begitu, menurut Nathesan (2015), ada pendapat yang menyatakan bahawa kata *nama* ini dipinjam daripada bahasa Inggeris. Penulisan Nathesan (2015) tidak berfokus kepada sesiapa, namun pernyataan beliau harus diteliti dan diperincikan perbincangannya kerana pihak yang menyatakan tersebut mungkin dipengaruhi oleh pengaruh Portugis, Belanda atau Inggeris ketika di Tanah Melayu. Berikut merupakan maklumat etimologi kata *nama* dalam Bahasa Inggeris.

Jadual 15: Etimologi Kata *name* dalam *Online Etymology Dictionary*

“word by which a person or thing is denoted,” Old English *nama*, *noma* “name, reputation,” from Proto-Germanic **naman-* (source also of Old Saxon *namo*, Old Frisian *nama*, Old High German *namo*, German *Name*, Middle Dutch *name*, Dutch *naam*, Old Norse *nafn*, Gothic *namo* “name”), from PIE root **no-men-* “name.” Meaning “a famous person” is from 1610s (*man of name* “man of distinction” is from c. 1400). Meaning “one’s reputation, that which is commonly said of a person” is from c. 1300. As a modifier meaning “well-known,” it is attested by 1938.

Berdasarkan Jadual 15, kata *name* yang wujud dalam bahasa Inggeris berasal daripada bentuk *nama* (*Old English*) dan bentuk-bentuk nama yang lain daripada bahasa-bahasa yang berbeza seperti bahasa Jerman dan bahasa Belanda yang berakar daripada kata *no-men* ‘name’. Bentuk yang wujud dalam bahasa-bahasa lain mempunyai kemiripan dengan bahasa Sanskrit. Hal ini demikian kerana, kesemua bahasa itu lahir daripada keluarga bahasa yang sama. Menurut Asmah (1991), pengaruh bahasa Belanda dan Inggeris di Nusantara bermula pada abad ke-16, namun bahasa Sanskrit sudah bertapak di Alam Melayu sejak abad ke-7 Masihi lagi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kata *nama* yang wujud dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Sanskrit dan bukanlah daripada bahasa Inggeris. Pembuktian menerusi manuskrip perlu dilakukan kerana Asmah (1991) hanya menyatakan tentang permulaan pengaruh asing di Alam Melayu sahaja, iaitu dengan menyatakan pengaruh Sanskrit lebih awal berbanding pengaruh barat.

Kata *nama* dapat dijejak penggunaannya dalam *Surat Perjanjian Jual Beli Lada* (SPJBL) yang bertarikh 1600 M yang ditulis dengan huruf Jawi نام *nama* (Hashim, 2003). Penggunaan kata *nama* sekali lagi dapat dijejak dalam *Malay Concordance Project* menerusi *Hikayat Amir Hamzah* sekitar abad ke-15 atau awal abad ke-16. Maklumat ini sangat penting sebagai penjelasan serta bukti bahawa kata *nama* dipinjam daripada bahasa Sanskrit. Hal ini demikian kerana pengaruh Inggeris di Alam Melayu bermula pada abad ke-19, manakala bahasa Sanskrit telah bertapak sekitar abad ketujuh Masihi atau lebih awal daripada tempoh tersebut. Bukti ini juga menjelaskan bahawa analisis ke atas sesebuah manuskrip sangat penting dalam menjejaki asal usul sesebuah perkataan dan secara tidak langsung menyelesaikan polemik yang wujud tentang perkataan ini. Berdasarkan perbincangan ini, bukti kewujudan dan penggunaan serta etimologi awal kata *nama* dapat diperlihatkan seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 16: Kewujudan dan Penggunaan Kata *nama* dalam *Hikayat Amir Hamzah* (HAH)

HAH 259:20 ... aku melihat muka Puteri Mihran Negara, menyebut *nama* Asma Peri pun aku tiada mahu.” Setelah Amir Hamzah berkata ...

Jadual 17: Etimologi Awal Kata *nama* dalam Bahasa Melayu

nama [rujuk makna 1, 2 dan 3 dalam KDIV] Perkataan ini dapat dijejak penggunaannya dalam SPJBL (sekitar abad ke-17) dan HAH (sekitar abad ke-15 atau awal abad ke-16) [bahasa Melayu] ← *nāman/ nāma* merujuk kepada ‘name’ (bahasa Sanskrit) [maksud sama] [Jadual 11 & 12]

Kesimpulannya, analisis ini menjelaskan bahawa kata *nama* merupakan sebuah kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Persamaan catatan asal usul menerusi Asmah (1991), Nathesan (2015), Winstedt (1959), Wilkinson (1901), dan Singam (1957) menjadi hujah bagi menidakkan bahawa kata *nama* merupakan perkataan asli bahasa Melayu.

4.4 Etimologi Kata *nafas* dalam Bahasa Melayu

Kedatangan agama Islam di Nusantara dianggarkan seawal abad ke-7 lagi yang dibawa masuk oleh para ulama luar yang rata-ratanya merupakan para pedagang. Walau bagaimanapun, ada sesetengah sarjana yang berpandangan bahawa Islam telah tersebar di rantau ini sejak abad ke-13 atau ke-14 (Arba’iyah, 2011). Menurut Noresah (2006), pencorakan bahasa Arab dalam bahasa Melayu terjadi setelah

pedagang dan pendakwah Islam datang ke Alam Melayu pada abad ke-10. Perkembangan dan pertembungan yang berlaku ini sekali gus menyumbang kepada pertambahan kosa kata Arab dalam bahasa Melayu seperti kata *akhirat*, *ibadat*, *wajib*, *zakat*, *wafat* dan lain-lain. Jika dinilai semula catatan kata berkognat yang dicatatkan oleh Khaidir & Adi (2021a) berkaitan kata *nafas*, maka didapati bahawa wujud percanggahan maklumat. Hal ini demikian kerana, Noresah (2006), Wilkinson (1901) dan Winstedt (1914) mencatatkan kata *nafas* merupakan salah satu kata yang dipinjam daripada bahasa Arab. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), kata *nafas* membawa maksud ‘udara yang disedut ke dalam dan dihembuskan ke luar dari paru-paru’. Penelitian kepada bahasa asal diperlukan bagi membuktikan kemiripan atau persamaan bentuk dan makna antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab. Kata *nafas* dapat diperlihatkan seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 18: Kata *nafs* dalam <https://www.dict.com/arabic-english/breath>

Bentuk kata <i>nafas</i> dalam tulisan Arab	Bentuk transliterasi	Maksud
نَفَسٌ	nafs	bernafas

Berdasarkan Jadual 18, didapati bahawa kedua-dua bentuk, iaitu kata *nafas* (bahasa Melayu) dan *nafs* (bahasa Arab) memiliki kemiripan bentuk dan makna yang sama. Perbezaan yang berlaku hanyalah pada sebutan, iaitu berlaku penambahan fonem /a/ dalam bahasa Melayu membentuk kata *nafas*. Selain itu, penentuan asal usul kata ini juga tidak menimbulkan isu ketidakselarasan. Hal ini bermaksud, penyusun kamus seperti Wilkinson (1901) dan Winstedt (1959) dan catatan Noresah (2009) berpandangan bahasa kata *nafas* dipinjam daripada bahasa Arab. Berbalik pula kepada aspek penggunaan kata ini, kata *nafas* telah ditemukan penggunaannya dalam *Hikayat Amir Hamzah*. Aspek penggunaan dan etimologi awal kata *nafas* dalam bahasa Melayu dapat dijelaskan seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 19: Kewujudan dan Penggunaan Kata *nafas* dalam *Hikayat Amir Hamzah* (HAH)

HAH 434:26 Amir Hamzah pun serta terhela mengikut sedutan <i>nafas</i> naga itu dengan pedang terhunus. Apakala telah hampirlah ia ke ...
--

Jadual 20: Etimologi Awal Kata *nafas* dalam Bahasa Melayu

<i>nafas</i> bermaksud ‘udara yang disedut ke dalam dan dihembuskan ke luar dari paru-paru’. Penggunaannya dalam <i>Hikayat Amir Hamzah</i> (sekitar abad ke-15 atau awal abad ke-16) [bahasa Melayu] ← <i>nafs</i> atau نَفَسٌ (bahasa Arab)

Secara kesimpulannya, kata *nafas* yang dicatatkan sebagai kata yang berkognat sebenarnya merupakan kata yang dipinjam daripada bahasa Arab. Persamaan catatan asal usul oleh pengkaji bahasa lain menjadi sandaran kajian ini untuk membuktikan bahawa kata *nafas* berasal atau dipinjam daripada bahasa Arab.

4.5 Etimologi Kata *fikir* dalam Bahasa Melayu

Norajihah & Zaitul (2021), Nur Faaizah & Noor Saadah (2021) dan Khaidir & Adi (2021a) mencatatkan kata *fikir* merupakan sebuah kata yang berkognat dalam bahagian taraf kognat dalam rumpun bahasa Austronesia. Memang tidak dinafikan ia merupakan kata yang memiliki bentuk kata dan makna yang sama, namun seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, syarat yang melayakkan kata itu dianggap sebagai kognat ialah dengan tidak mengambil kira kata pinjaman seperti yang dijelaskan dalam kaedah leksikostatistik. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), kata *fikir* membawa maksud ‘ingatan, angan-angan, akal; anggapan, pendapat, sangka; kira’. Za’ba (1965), Winstedt (1914) dan Nathesan (2015) mencatatkan kata *fikir* merupakan sebuah kata pinjaman daripada bahasa Arab. Za’ba mengkategorikan kata *fikir* merupakan kata pinjaman yang bersangkutan dengan perasaan, seperti beberapa kata lain, iaitu *akal*, *dahsyat*, *hajat*, *ikhlas*, *nafsu* dan lain-lain. Maklumat kata *fikir* dalam bahasa asal dapat diperlihatkan seperti jadual yang berikut:

Jadual 21: Kata *fakkar* dalam <https://www.dict.com/arabic-english/breath>

Bentuk kata <i>fakkar</i> dalam tulisan Arab	Bentuk transliterasi	Maksud
فَكَرَ	fakkar	berfikir

Memang tidak dinafikan bahawa dalam bahasa Parsi juga wujud kata *fikr*, *fakr* atau فِكْر yang bermaksud 'berfikir; pemikiran, refleksi, pertimbangan; musyawarah, nasihat' (Steingass, 1981). Walau bagaimanapun, rata-rata pengkaji dan penyusun kamus lebih cenderung mencatatkan kata *fikir* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab. Jika dilihat kepada bentuk, kata *fikir* lebih mirip dengan bahasa Parsi. Kemiripan yang berlaku antara bahasa Parsi dan Arab disebabkan proses meminjaman, yakni bahasa Parsi meminjam daripada bahasa Arab. Hal ini demikian kerana kedua-dua bahasa itu lahir daripada keluarga bahasa yang berbeza, iaitu Semitik dan Indo-Eropah. Berdasarkan perbincangan ini, jelaslah bahawa telah berlaku perubahan dari segi bentuk dan masih mengekalkan makna tanpa ada perubahan. Oleh itu, kewujudan dan penggunaan serta etimologi awal kata *fikir* dalam bahasa Melayu dapat diperlihatkan seperti dalam Jadual 22 dan 23 yang berikut:

Jadual 22: Kewujudan dan Penggunaan Kata *fikir* dalam *Hikayat Bayan Budiman* (HBB)

HBB 200:14 Hatta, beberapa lamanya maka Hasanah pun <i>fikir</i> di dalam hatinya, 'Ada pun Bedawi laki-isteri ini terlalulah
--

Jadual 23: Etimologi Awal Kata *fikir* dalam Bahasa Melayu

<i>fikir</i> bermaksud 'ingatan, angan-angan, akal; anggapan, pendapat, sangka; kira'. Penggunaannya dalam <i>Hikayat Bayan Budiman</i> (antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) [bahasa Melayu] ← <i>fikr</i> atau فِكْر (bahasa Arab) / <i>fikr</i> (bahasa Parsi)
--

Berdasarkan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa kata *fikir* yang digunakan dalam bahasa Melayu jelas merupakan bentuk kata pinjaman daripada bahasa Arab. Kemiripan dari sudut bentuk dan makna serta keselarasan catatan pengkaji bahasa lain berkaitan kata *fikir* menjadi bukti bahawa kata *fikir* merupakan sebuah kata pinjaman dan bukan kata yang berkognat. Catatan kognat yang ditandai dalam kajian Norajihah & Zaitul (2021), Nur Faaizah & Noor Saadah (2021) dan Khaidir & Adi (2021a) seharusnya ditandakan dengan tanda 'tolak' bagi menjelaskan bahawa ia bukanlah dari akar yang sama, tetapi menerusi meminjaman kata.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kelima-lima perkataan yang dianalisis merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit dan Arab. Walaupun dalam analisis menunjukkan lima kata tersebut merupakan kata pinjaman, namun terdapat juga keadaan bahawa kata-kata ini juga dikategorikan sebagai kata berkognat dalam rumpun bahasa Austronesia yang lain seperti kajian Rozi (2019), Norajihah & Zaitul (2021), Nur Faaizah & Noor Saadah (2021) dan Khaidir & Adi (2021a). Keadaan ini mungkin berpunca daripada kurangnya maklumat etimologi perkataan atau kerana kata *kerana* dan *kepala* sudah tersebut dalam bahasa Melayu dan dianggap sebagai perkataan asli Melayu. Sekalipun pembuktian ini berkemungkinan tidak menjejaskan peratus tingkat kekerabatan bahasa, namun ketepatan maklumat asal usul setiap kata tidak boleh dipinggirkan dalam kajian sejarah perbandingan. Kita perlu berbalik kepada konsep 'kognat' yang persamaan atau kemiripan kata adalah menerusi akar yang sama, dan syarat menentukan taraf kognat dalam kaedah leksikostatistik yang sememangnya telah menolak bentuk kata pinjaman (Swadesh, 1954). Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa wujud persamaan dari segi catatan asal usul sesebuah kata yang dikemukakan oleh para pengkaji dahulu.

Persamaan ini menjadi bukti konkrit dan perubahan yang dibincangkan dari sudut bentuk khususnya menggambarkan bahawa perubahan zaman telah merubah bentuk kata. Perubahan ini bukan

hanya berlaku kepada kata pinjaman sahaja, malah turut berlaku kepada perkataan asli Melayu. Di samping itu, walaupun wujud polemik atau ketidakselarasan berkaitan asal usul serta kepelbagaian bentuk kata, tidak bermakna bahawa perkataan ini perlu diabaikan asal usulnya. Dalam hal ini, pemahaman kepada sejarah amat penting kerana ia menggambarkan asal usul sesebuah kata yang dikaji. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini menyumbang kepada pembuktian kata pinjaman dari sudut etimologi dan sekali gus memantapkan lagi penyelidikan dalam kajian leksikostatistik dan glotokronologi. Kajian ini juga ingin menawarkan pendekatan etimologi bagi menilai sesuatu perkataan itu adalah berkognat atau sebaliknya. Pengkajian etimologi yang berterusan dapat menyumbang kepada penghasilan kamus yang mengkhusus kepada etimologi kata pinjaman yang di dalamnya meliputi aspek sejarah dan geografi, perubahan bentuk dan makna, dan aspek masa kewujudan dan penggunaan perkataan dalam bahasa Melayu.

Rujukan

- Aniswal Abd Ghani & Noriah Mohamed. (2021). Perubahan dan Pertembungan Bahasa. Dalam Noriah Mohamed. *Menelusuri Inti Sari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*. (hlm. 1-12). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2011). Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 6, 29-50.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis berdasarkan teks Melayu Aqaa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bukhari Lubis. (1990). *Bunga Rampai Sastera Parsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bynon, T. (1977). *Historical Linguistics*. Cambridge: Oxford University Press.
- Beg, M. A. (1982). *Persian and Turkish loan words in Malay*. Kuala Lumpur: University of Malay Press.
- Collins, J. T. (2003). *Mukadimah ilmu etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T. (1992). *An Introduction to Historical Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Domínguez, C. P. & Nerlich, B. (2002). False friends: their origin and semantics in some selected languages. *Journal of Pragmatics*, 34, 1833–1849.
- Fromkin, V, Rodman, R, & Hyams, N. (2010). *An Introduction to language*. Wadsworth, Cengage Learning.
- Fabricius, J. P. (1972) *Tamil and English Dictionary*. 4th ed., rev. and enl. Tranquebar: Evangelical Lutheran Mission Pub. House.
- Gonda, J. (1973). *Sanskrit in Indonesia*. New Delhi: International Academy of Indian Culture.
- Gudschinsky, S. (1964). The ABC's of Lexicostatistics (Glotochronology). Dell Hymes (Ed.), *Language in Culture and Society, A Reader in Linguistic and Society A Reader in Linguistic and Anthropology*. Harper and Row, hlm. 612–623.
- Hashim Musa. (1999). *Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti, K. (1983). *Kamus linguistik*. Jakarta: Penerbit Gramedia.
- Heah Lee Hsia, C. (1989). *The Influence of English on The Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, G. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia.
- Liberman, A. (2009). *Word origins and how we know them etymology for everyone*. Oxford University Press.
- Malay Concordance Project*. <http://mcp.anu.edu.au/>. (Dicapai sepanjang kajian)
- McGregor, R. S. (1993). *The Oxford Hindi-English dictionary*. Oxford [England]; New York: Oxford University Press. Diperoleh pada 10 Januari 2021. <https://dsal.uchicago.edu/dictionaries/mcgregor/>.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Adi Kasman Che Halin. (2021). Leksikostatistik Dan Glotokronologi Antara Bahasa Banjar Dengan Bahasa Melayu: Kajian Linguistik Sejarah Dan Perbandingan. *Jurnal Kesidang*, 6 (2021), 44-61.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Adi Kasman Che Halin. (2021a). Penentuan tingkat kekerabatan dan abad pisah antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu: Kajian linguistik sejarah dan perbandingan. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 273–304.
- Mohamad Rozi Kasim. (2019). *Analisis Linguistik Sejarah terhadap Aspek Fonologi dan Leksikal Bahasa Jakun di Johor*. (Disertasi PhD). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). Hubungan Kekerabatan antara Bahasa Jakun dengan Bahasa Melayu Purba: Satu Analisis Perbandingan Kosa Kata Dasar. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 41-66.
- Mohamad NorTaufiq NorHashim. (2022). *Kajian Asal Usul dan Makna Perkataan Terpilih Bahasa Melayu daripada Bahasa Sanskrit dan Parsi*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

- Mohamad NorTaufiq NorHashim & Aniswal Abd Ghani. (2022). Etimologi Kata Pinjaman Sanskrit Terpilih Dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu- (JOMAS)*, 33(1), 69-86.
- Mohamad NorTaufiq NorHashim & Aniswal Abd Ghani. (2022a). Asal Usul Perkataan dalam Bahasa Melayu dari Sudut Etimologi. *Issues in Language Studies*, 11(1), 1-19.
- Mohamad NorTaufiq NorHashim, Mohd Khaidir Abd Wahab, & Aniswal Abd Ghani. (2022). Etimologi Kata Pinjaman Parsi dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 21(1), 81-95.
- Nathesan, S. (2015). *Etimologi bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Nazilah Mohamad & Karim Harun. (2019). *Konsep Peminjaman Kosa Kata: Suatu Tinjauan Terhadap Soroton Literatur*.
- Nida, E. (2000). *Principles of correspondence*. Dalam Venuti, L. (Ed.) *The Translation Studies Reader* (hlm. 126–140). London and New York: Routledge.
- Noresah Baharom. (2006). Klik dewan bahasa dan pustaka. Berita Harian. (Rabu 20 Disember 2006).
- Noresah Baharom et al. (2009). *Kamus dan perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed & Selvarani A/p Subramaniam. (2015). *Kata Pinjaman Bahasa Tamil dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Notosudirjo. (1981). Etimologi. pengetahuan bahasa Indonesia. Mutiara Jakarta.
- Nur Faaizah Md Adam & Noor Saadah Salleh (2021). Leksikostatistik Bahasa Kensi dan Bahasa Kentaq: Analisis Perbandingan Kosa Kata. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4 (11), 40 - 57.
- Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*. (n.d.). Diperoleh daripada <https://www.learnsanskrit.cc/>
- Singam, D. R. (1957). *What the Malay Language Owes to Sanskrit*. Kuantan.
- Siti Baroroh Baried, Siti Chamamah Soeratno, Sawoe, Sulastin Sutrisno, & Moh Syakir. (1985). *Pengantar Teori Filologi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1999). Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Peranan Filologi. *Akademika*, 54(1), 147-155.
- Shellabear, W.G. (1902). *A Malay-English vocabulary*. Singapore: American Mission Press.
- Steingass, F. J. (1981). *A Comprehensive Persian-English Dictionary: Including the Arabic Words and Phrases to be Met with in Persian Literature*. New Delhi: Oriental Reprint.
- Surada, I. M. (2007). *Kamus Sanskerta-Indonesia*. Surabaya: Paramita.
- Swadesh, Morris. (1954). Perspectives and problems of Amerindian comparative linguistics. *WORD*, 10(2-3), 306-332. Diakses daripada <https://www.tandfonline.com/doi/pdf/10.1080/00437956.1954.11659530?needAccess=true>.
- Tengku Sepora Tengku Mahadi & Aniswal Abdul Ghani. (2001). Memahami Kognat: Nampak Kawan Tetapi Lebih Lawan (False Friends/Faux Amis/False Cognate). Dalam Fakulti Pengajian Bahasa, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding Seminar Sehari Jabatan Bahasa Melayu dan Terjemahan*. (Edisi., 95-105). Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Thomason, S. G. (2001). *Language contact*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Weinreich, U. (1979). *Languages in contact: Findings and problems*. London: Mouton Wilkinson, R. J. (1901). *A Malay-English dictionary*. Singapore: Kelly and Walsh.
- Wilkinson, R. J. (1902). *A Malay-English dictionary*. Singapore: Kelly and Walsh.
- Winstedt, R. O. (1959). *An unabridged Malay-English dictionary*. Singapore-Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Winstedt, R. O. (1914). *Malay grammar*. London: Oxford University Press. Publishers.
- Za'ba (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeriksaan jati diri bahasa Melayu: Isu penyerapan kata asing. *Jurnal Melayu*, 6 (1), 13-27.

Sumber internet

<https://www.dict.com/arabic-english/>

Biodata Penulis

Mohamad NorTaufiq Bin NorHashim merupakan pensyarah bahasa Melayu di School of Oriental Studies, Xi'an International Studies University, China. Bidang kajian beliau adalah berkaitan etimologi.

Aniswal Abdul Ghani (Ph.D) merupakan mantan Pensyarah Kanan di bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang semantik, linguistik korpus dan sejarah bahasa Melayu.